

KENYATAAN MEDIA TUNDAAN PROGRAM “2020 PARAMOUNT PROPERTY CITY2CITY RIDE”



‘2020 PARAMOUNT PROPERTY CITY2CITY RIDE’ akan ditunda ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Atas sebab penularan wabak COVID 19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK Belia dan Sukan telah bermesyuarat dengan beberapa pihak kerjasama pada 15 Mei 2020 dan telah memutuskan tundaan Program 2020 Paramount Property City2City Ride.

Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa akibat penularan wabak COVID 19, kerajaan tidak membenarkan penganjuran aktiviti-aktiviti atau perhimpunan yang melibatkan bilangan yang besar. Demi keselamatan dan kesihatan rakyat, mesyuarat telah memutuskan tundaan tersebut. Pihak penganjur memohon maaf jika tundaan tersebut menimbulkan sebarang masalah kepada pihak yang terlibat.

Selain itu, beliau juga berharap wabak COVID 19 ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat supaya semua peminat-peminat basikal dapat menyertai Program 2020 Paramount Property City2City Ride pada masa yang akan datang. Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Pejabat EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang atas talian (04-6505136) atau layari laman Facebook Sports For All Penang.